

01 AUG 1996  
Negara-Media

WARTAWAN ASING DIBERI PELUANG TEMURAMAH PEMIMPIN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Wisma Putra memberi peluang kepada wartawan asing yang pernah menyiarkan berita negatif mengenai negara dan Perdana Menteri untuk menemuramah pemimpin negara bagi mengetahui kedudukan sebenar.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata wartawan-wartawan itu ialah seperti dari Britain, Amerika Syarikat dan Jerman supaya mereka mengetahui perkembangan yang sebenar mengenai Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wisma Putra juga ada menganjurkan lawatan media asing ke Malaysia bagi mendapatkan gambaran sebenar apa yang berlaku di sini, katanya semasa menjawab soalan Senator Datuk Abdul Aziz Rahman pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Langkah itu diambil bagi menentukan dakyah-dakyah negatif mengenai Perdana Menteri dan Malaysia tidak terus dipaparkan oleh media asing, katanya.

Antara langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani perkara itu ialah semua perwakilan Malaysia di luar negara dikehendaki menjawab dengan serta merta dengan mengemukakan fakta sebenar terhadap mana-mana tohmahan.

Semua perwakilan itu dibekalkan dengan maklumat terkini yang diterbitkan oleh Bahagian Penerbitan Wisma Putra yang fokusnya kepada hal-hal antarabangsa, katanya.

Katanya, semua pegawai-pegawai luar diberi kursus bahasa asing dan diplomasi bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran dan pengalaman yang boleh mencerminkan imej negara.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Afdal berkata, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan bayaran lesen televisyen kerana hasil yang dikutip diperlukan untuk pembangunan negara.

Bayaran lesen radio telah dimansuhkan pada 1 Jan 1991, semasa menjawab soalan Senator Khadijah Haji Awang.

-- BERNAMA  
RHM AHH